# NOTIS PRA-KELAYAKAN TENDER

**Alam Flora Sdn Bhd (199501038511) (367713-X) ("Alam Flora")**, anak syarikat **Malakoff Corporation Berhad (200601011818) (731568-V)**, merupakan syarikat konsesi yang menguruskan Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Kami ingin menjemput syarikat yang mempunyai pengalaman dan sumber yang berkaitan untuk menyertai Pra-Kelayakan Tender Pembekalan Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Negeri Pahang.

| **Butiran Tender** | **Sistem Tender** | **Syarat Wajib** | **Penyerahan Dokumen Pra-Kelayakan Tender** |
|---|---|---|---|
| Tajuk Tender:<br><br>**1)** Pembekalan Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Pahang (Syarikat Sendirian Berhad dan Berhad sahaja)<br><br>**2)** Pembekalan Perkhidmatan Pembersihan Awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Negeri Pahang | Yuran ID Pengguna: RM150.00<br><br>Pendaftaran dan bayaran untuk ID Pengguna hendaklah dibuat melalui pautan seperti di bawah:<br>(https://www.tenderwizard.my/ALAMFLORA)<br><br>**Sistem Tender hanya boleh diakses mulai 29 Disember 2024**<br><br>**Pautan Tutorial Pendaftaran:**<br>https://www.youtube.com/watch?v=ElFzhe6Qvd4 | Pematuhan kepada perkara berikut:<br><br>**1)** Mengemukakan borang Permohonan (Maklumat Perniagaan) yang lengkap<br><br>**2)** Syarikat mesti berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia ("SSM") dan mengemukakan semua Dokumen Berkanun SSM yang diperlukan dengan lengkap<br><br>**3)** Mengemukakan semua Dokumen Wajib yang diperlukan dengan lengkap<br><br>**4)** Mengemukakan Ringkasan Pengalaman Kerja berkaitan Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (dalam tempoh lima (5) tahun dari Tarikh dan Masa Akhir Penyerahan) dengan dokumen sokongan sebagai bukti dan syarikat hendaklah ditubuhkan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dari Tarikh dan Masa Akhir Penyerahan<br><br>**5)** Mengemukakan semua Dokumen Kewangan yang diperlukan dengan lengkap dan borang Maklumat Kewangan yang lengkap | Tarikh dan Masa Akhir Penyerahan:<br><br>17 Disember 2024 pada atau sebelum 5:00 petang<br><br>**Dokumen fizikal dan atas talian adalah wajib untuk diserahkan oleh pemohon**<br><br>**1) Penyerahan dokumen fizikal dalam sampul surat yang dilekatkan dengan gam (12, 13, 16 dan 17 Disember 2024 pada waktu bekerja sahaja dari 9:00 pagi hingga 5:00 petang):**<br><br>Malakoff Corporation Berhad<br>Aras 7, Plaza Sentral, Blok 4, Jalan Stesen Sentral 5, 50470 Kuala Lumpur<br>**Untuk perhatian:**<br>*Tender Secretariat*, Alam Flora Sdn Bhd<br><br>**2) Penyerahan dokumen atas talian (Antara 28 November 2024 hingga 17 Disember 2024):**<br><br>Melalui Sistem Tender<br>(https://www.tenderwizard.my/ALAMFLORA) |

Perincian arahan untuk menyertai Pra-Kelayakan Tender adalah seperti berikut:

**Arahan**:

1. Pemohon yang berminat perlu memuat turun Dokumen Pra-Kelayakan Tender melalui Sistem Tender (https://www.tenderwizard.my/ALAMFLORA).
2. Cetak dan lengkapkan Dokumen Pra-Kelayakan Tender berserta dokumen sokongan yang diperlukan.
3. Serahkan Dokumen Pra-Kelayakan Tender yang telah lengkap dan ditandatangani berserta semua dokumen sokongan yang diperlukan dalam sampul surat yang dilekatkan dengan gam ke alamat dan laman web yang dinyatakan di atas pada atau sebelum Tarikh dan Masa Akhir Penyerahan.
4. Segala kos dan perbelanjaan berkaitan Pra-Kelayakan Tender ini hendaklah ditanggung oleh pemohon.
5. Permohonan yang tidak lengkap dan tidak mematuhi Tarikh dan Masa Akhir Penyerahan yang ditetapkan akan ditolak.

**Nota:**
Pihak kami berhak untuk menerima atau menolak sebarang permohonan atau menghentikan Pra-Kelayakan Tender ini, atau menolak sebahagian atau keseluruhan permohonan, tanpa menanggung sebarang bentuk liabiliti, termasuk tetapi tidak terhad kepada kewajipan untuk memberitahu alasan akan tindakan pihak kami.

Sebarang pertanyaan tentang Pra-Kelayakan Tender ini boleh dikemukakan secara bertulis melalui saluran di bawah:

**Emel:** tender.secretariat@alamflora.com.my

**Tel. No.: 03 2052 8732 / 03 2052 7789 / 03 2052 7866**